



جابتن ائام اسلام ٲيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(56)

Tarikh: 29 Zulkaedah 1446H
28 Mei 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	30 Mei 2025 / 2 Zulhijah 1446
Tajuk	Kelebihan Awal Zulhijah

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"KELEBIHAN AWAL ZULHIJAH"

30 Mei 2025 / 2 Zulhijah 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan kita, takwa berupaya mengawal hati, akal dan perbuatan agar sentiasa berada di landasan yang mendapat keredaan Illahi. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"KELEBIHAN AWAL ZULHIJAH"

Syukur ke hadrat Illahi atas ihsan kurniaan Nya, kita sekali lagi dipertemukan dengan bulan Zulhijah; salah satu dari 4 bulan Islam yang suci, bulan yang terkandung di dalamnya pelbagai kelebihan amal ibadah, terutama pada 10 hari pertama Zulhijah, selaras dengan firman Allah SWT, ayat 1 hingga 2 surah al-Fajr:

﴿وَالْفَجْرِ ۝ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ۝﴾

Bermaksud: "Demi waktu fajar; Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah)"

Sarjana tafsir Ibn Kathir ketika mentafsirkan ayat 1 hingga 2 surah al-Fajr yang khatib jadikan rujukan; menyebut bahawa malam yang sepuluh, sebagaimana yang difirmankan Allah SWT pada ayat berkenaan, merujuk kepada

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

10 hari pertama bulan Zulhijah; menandakan keagungan dan keistimewaannya sehingga Allah SWT sendiri bersumpah dengannya.

Rasulullah SAW menjelaskan kelebihan awal Zulhijah berpandukan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas RA, Sabda Baginda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ؟ قَالَ : وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ ، فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ

Maksudnya: "Tiada hari yang amalan soleh paling disukai Allah untuk dilakukan, melainkan hari-hari ini, baginda memaksudkan: 10 hari terawal Zulhijah. Para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, walaupun jihad di jalan Allah (tidak dapat menandinginya)?" Baginda bersabda, "Walaupun jihad di jalan Allah melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama jiwa dan hartanya, kemudian harta dan jiwanya tidak kembali (syahid)." (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Ilmuwan Islam Ibnu Hajar menegaskan keutamaan pada 10 hari awal Zulhijah berbanding hari-hari lain kerana terhimpun padanya pelbagai ibadah utama, iaitu ibadah-ibadah solat, puasa, sedekah, haji dan korban, serta hari Arafah. Himpunan amalan-amalan seperti ini tidak berlaku pada bulan yang lain.

Di samping kelebihan ganjaran yang disediakan pada bulan ini, perbuatan maksiat dan kemungkaran juga hendaklah dijaui, kerana bulan yang suci ini seharusnya ditumpukan dengan ketaatan, maka tidak seharusnya dicemari dengan dosa seperti yang ditegaskan oleh ahli tafsir, Ibnu Kathir dan Ar-Razi memperingatkan;

أَنَّ الْمَعْصِيَةَ فِيهَا أَشَدُّ عِقَابًا، وَالطَّاعَةَ فِيهَا أَكْثَرُ ثَوَابًا

Maksudnya: Sesungguhnya maksiat (yang dilakukan) padanya (hari tersebut), lebih berat akibatnya (dosa), dan ketaatan (yang dilakukan) padanya (hari tersebut), pahalanya berganda.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi

10 hari pertama bulan Zulhijah hendaklah diisi dengan amalan soleh serta kegiatan yang mendatangkan kebaikan. Peluang yang menjelma setahun sekali ini, jangan disia-siakan tanpa melakukan usaha untuk merebut kebaikan yang telah Allah SWT anugerahkan. Oleh itu, mimbar menyenaraikan beberapa ibadah yang boleh dilakukan seperti berikut:

Pertama: Melaksanakan Ibadah Haji

Ibadah haji merupakan kemuncak amal pada bulan Zulhijah. Bulan-bulan haji bermula dari 1 Syawal sehingga 10 Zulhijah. Oleh itu, umat Islam yang berkemampuan dituntut mengunjungi Baitullah, menyempurnakan Rukun Islam kelima, melaksanakan ibadah haji, berpandukan ayat 97 surah Ali-imran:

...وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا

Bermaksud:..."Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji (dengan mengunjungi Baitullah) iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya..."

Kedua: Berpuasa pada 9 Zulhijah

Umat Islam yang tidak mengerjakan ibadah haji, disunatkan berpuasa pada 9 Zulhijah kerana ganjaran besar disediakan bagi mereka yang berpuasa pada hari tersebut, diampunkan dosa selama dua tahun, berpandukan hadis Rasulullah SAW:

صِيَامُ يَوْمٍ عَرَفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

Bermaksud: Puasa hari Arafah, aku berharap kepada Allah supaya ia dapat menghapuskan dosa-dosa setahun sebelumnya dan juga tahun selepasnya.

(Hadis Riwayat Muslim)

Bagi yang mengerjakan ibadah haji, Allah SWT mengurniakan satu hari yang sangat istimewa, iaitu 9 Zulhijah, hari wuquf di Arafah, dianggap sebagai waktu dan tempat terbaik dimakbulkan doa.

Ketiga: Memperbanyakkan bertakbir, bertasbih dan bertahmid

Umat Islam disunatkan memperbanyakkan memuji Allah SWT dengan amalan bertakbir, bertasbih dan bertahmid. Ibnu Umar RA meriwayatkan sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ وَلَا أَحَبُّ إِلَيْهِ الْعَمَلُ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ فَأَكْثَرُوا فِيهِنَّ
مِنَ التَّهْلِيلِ وَالتَّكْبِيرِ وَالتَّحْمِيدِ

Bermaksud: "Tidak ada suatu hari yang lebih agung di sisi Allah dan tiada pula hari yang lebih Dia cintai untuk beramal daripada sepuluh hari ini (Zulhijah), maka perbanyakkan tahlil, takbir dan tahmid" (Hadis Riwayat Ahmad)

Keempat: Melaksanakan Ibadah Korban

Umat Islam yang berkemampuan dituntut melakukan ibadah korban pada hari-hari tasyrik, bermula 10 hingga 13 Zulhijah. Ibadah korban bukan sekadar penyembelihan binatang ternakan, tetapi menterjemahkan sifat takwa kepada Allah SWT, mentaati perintahnya selaras firman yang disampaikan melalui ayat 2 surah al-Kausar:

﴿فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ﴾

Bermaksud: "Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur)."

Jemaah yang didoakan mendapat kebaikan Zulhijah

Mimbar menyenaraikan empat kesimpulan berikut:

Pertama: Rebut peluang kelebihan beribadah semasa sepuluh hari pertama bulan Zulhijah. Perbanyakkan amal soleh seperti berbuat baik kepada ibu bapa, solat berjemaah, tadabbur al-Quran, berselawat, bersedekah, beristighfar dan berzikir.

Kedua: Berpuasa sunat sembilan hari pada sembilan hari pertama Zulhijah, setidak-tidaknya berpuasa sunat pada 9 Zulhijah, iaitu pada hari Arafah kerana ganjarannya sangat besar.

Ketiga: Melakukan ibadah korban sebagai tanda syukur atas nikmat kurniaan Ilahi. Bagi yang tidak mampu melaksanakan ibadah korban, dianjurkan melibatkan diri menghulur bantuan tenaga membantu urusan menyembelih, melapah dan mengagih daging korban.

Keempat: Menyemaikan niat dan azam mahu menunaikan ibadah haji. Lakukan perancangan awal melalui tabungan bulanan, serta mendaftar awal dengan Lembaga Urusan Tabung Haji.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Ilahi,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah Ya Rabbal ‘Alamin! Bimbing kami untuk memanfaatkan 10 hari pertama Zulhijah dengan amalan kebaikan yang dapat mendekatkan diri kepada Mu. Dengan keberkatan 10 hari awal Zulhijah, Engkau ampuni segala dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami, dosa ahli keluarga kami, dosa guru-guru kami, dan dosa umat Islam keseluruhannya.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikul Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.